

TARIKH	30 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	65	RUANGAN	Setempat

## 'Ini pun ibadah'

Pasukan perubatan bertugas pada musim haji kembali ke tanah air

>>Oleh Hayati Ibrahim  
ya\_13@metro.com.my

**S**EPANG: "Kami menganggap tugas ini satu ibadah, itu yang banyak memberi kekuatan kepada kami," kata Pengarah Operasi Perubatan di Madinah, Dr Wan Mansor Hamzah yang mengetuai pasukan perubatan di Madinah dan bertanggungjawab memantau serta merawat jemaah haji mengalami masalah kesihatan sepanjang menunaikan ibadah haji.

Beliau yang berada di Madinah selama 78 hari bermula 13 September mengakui membahagikan masa sebaik mungkin antara tugas dan beribadah.

"Kami dihantar ke Madinah untuk bertugas, jadi misi utama kami melaksanakan tugas dipertanggungjawabkan dan kami turut diberi peluang melaksanakan ibadah khusus sekiranya mempunyai kelapangan.

"Kami biasanya bertugas secara syif, jadi kami hanya ke masjid atau beribadah selepas menyelesaikan tugas atau tidak dalam keadaan 'on call', sekiranya dalam 'on call' kami tetap akan berada di pusat rawatan kerana tempoh bekerja kami adalah 24 jam," katanya ketika ditemui selepas tiba bersama kumpulan 351 jemaah haji terakhir di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Dr Wan Mansor berkata, cabaran mengendalikan jemaah haji tahun ini tidak besar berbanding sebelum ini kerana keadaan cuaca di Makkah dan Madinah yang tidak banyak be-



DR WAN MANSOR...ibadah selepas tugas selesai

za dengan keadaan di Malaysia, kecuali di hujung musim yang mengalami cuaca sejuk.

Bagi jemaah haji cilik, Muhammad Nur Azim Ayub, 8 dari Ampang, Selangor pula berkata, dia amat bersyukur dan bertuah kerana berkesempatan menunaikan Rukun Islam kelima pada usia muda bersama ibu, Rozita Jamaluddin, 42; ayah Ayub Yaakob, 58 dan neneknya Yasimin Abdullah, 78.

"Memang seronok dapat menunaikan haji ketika masih muda walaupun terpaksa menempuhi pelbagai dugaan termasuk cuaca panas dan kering serta demam ketika di Mina.

"Antara pengalaman tidak dapat dilupakan berjalan kaki jauh sebelum menunaikan ibadah melontar, tetapi keluarga banyak memberi sokongan bagi menyempurnakan ibadah itu," kata murid dari Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Melawati I itu.



PULANG...penerbangan terakhir jemaah haji selamat tiba di KLIA, semalam.